Mesej Enam

Dikbang-dikbang Kristus yang Merupakan Anak Sulung Tuhan

Bacaan Bible: 2 Sam. 7:12a, 14a; Roma 1:3-4; 8:28-30; Ibr. 2:10-12; 1 Kor. 15:31, 36

I. "Aku akan membangunkan benihmu…Aku akan menjadi Bapanya, dan dia akan menjadi anak-Ku"—2 Sam. 7:12a, 14a:

A. Ungkapan ini berpadanan dengan kata-kata Paulus dalam Roma 1:3-4 berkenaan Kristus yang merupakan benih Daud dilantik tentu sebagai Anak Tuhan dalam keinsanan-Nya dalam kebangkitan.

B. Makna intrinsik 2 Samuel 7 ialah Tuhan Tritunggal menggarapkan diri-Nya dalam Triniti-Nya yang terproses dan terkonsumasi ke dalam umat pilihan-Nya.

C. Menurut Ibrani 1:5b, yang memetik 2 Samuel 7:14a, benih Daud ialah Kristus yang merupakan Anak sulung Tuhan yang mempunyai kedivinan dan keinsanan—Ibr. 1:5a, 6.

D. *Benihmu* dalam 2 Samuel 7:12a dan *anak-Ku* dalam ayat 14a mengimplikasikan bahawa benih Daud akan menjadi Anak Tuhan, iaitu benih insani akan menjadi Anak divin—Roma 1:3-4.

E. Ini mengimplikasikan bahawa hasrat Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah menjadikan diri-Nya manusia untuk menjadikan manusia Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan.

F. Kata-kata tentang benih Daud menjadi Anak Tuhan ini diteruskan dan dikembangkan dengan kuat dalam Wasiat Baru—Mat. 22:41-45; Wahi 22:16.

II. Dalam Kisah 13, Paulus mengatakan bahawa daripada benih Daud "Tuhan, menurut janji, telah membawa seorang Penyelamat, iaitu Yesus" (ay. 23), dan bahawa "Tuhan telah menggenapi janji ini sepenuhnya…dengan membangkitkan Yesus, sebagaimana juga yang tertulis dalam Mazmur kedua, 'Engkaulah Anak-Ku; hari ini Aku telah memperanakkan Engkau' " (ay. 33):

A. Dalam ayat 32 dan 33 kita melihat bahawa Kristus sebagai Anak sulung Tuhan telah dijanjikan kepada bapa-bapa leluhur, dan Tuhan menggenapi janji ini dengan membangkitkan Yesus.

B. Kebangkitan ialah suatu kelahiran bagi manusia Yesus:

1. Dia diperanakkan Tuhan dalam kebangkitan-Nya untuk menjadi Anak sulung Tuhan dalam kalangan dikbang yang banyak—Roma 8:29.
2. Dia ialah Anak tunggal Tuhan dari keabadian—Yoh. 1:18; 3:16.
3. Selepas inkarnasi-Nya, menerusi kebangkitan, Dia diperanakkan Tuhan dalam keinsanan-Nya untuk menjadi Anak sulung Tuhan—Ibr. 1:6.

C. Paulus dapat melihat kebangkitan Tuan dalam Mazmur 2:7: "Engkaulah Anak-Ku;/Hari ini Aku telah memperanakkan Engkau":

1. Paulus mengaplikasikan ungkapan *hari ini* pada hari kebangkitan Tuan.
2. Ini bermakna kebangkitan Kristus ialah kelahiran-Nya sebagai Anak sulung Tuhan.
3. Yesus, Anak Manusia, telah dilahirkan sebagai Anak Tuhan dengan dibangkitkan daripada yang mati; oleh itu, Tuhan membangkitkan Yesus daripada yang mati ialah Dia memperanakkan Yesus untuk menjadi Anak sulung-Nya—Kis. 13:33.

D. Menerusi inkarnasi, Anak tunggal Tuhan memakai keinsanan dan menjadi Tuhan-manusia (Yoh. 1:14, 18; Luk. 1:35); kemudian dalam kebangkitan, Tuhan-manusia ini dilahirkan daripada Tuhan untuk menjadi Yang Sulung-Nya (Kis. 13:33; Ibr. 1:6; Roma 8:29):

1. Sebelum inkarnasi, Anak tunggal Tuhan tidak mempunyai sifat insani; Dia hanya mempunyai sifat divin.
2. Dalam kebangkitan, Anak sulung Tuhan mempunyai sifat insani dan sifat divin.

E. Menerusi kebangkitan Kristus, Dia dilahirkan sebagai Anak sulung; pada masa yang sama, semua percayawan-Nya dilahirkan menjadi anak Tuhan yang banyak—1 Ptr. 1:3; Ibr. 2:10:
1. Dalam kalangan anak yang banyak ini, hanya Yang Sulung ialah Anak tunggal Tuhan—1 Ptr. 1:3; Ibr. 2:10.
2. Anak tunggal Tuhan ini, dalam keinsanan-Nya yang dibangkitkan, juga ialah Anak sulung Tuhan—Roma 8:29.
3. Yang Sulung mempunyai kedivinan dan keinsanan; kita, percayawan-Nya sebagai anak Tuhan yang banyak, juga mempunyai sifat insani dan sifat divin —2 Ptr. 1:4.

III. *Benih Daud menjadi Anak Tuhan* berbicara tentang proses Kristus dilantik tentu sebagai Anak sulung Tuhan melalui kebangkitan—2 Sam. 7:12-14a; Roma 1:3-4; Mat. 22:45; Wahi 22:16:

A. Paulus mengatakan bahawa dia diasingkan kepada injil Tuhan berkenaan Anak Tuhan; ini menunjukkan bahawa injil Tuhan ialah injil keanakan demi realiti Tubuh Kristus—Roma 1:1, 3-4; 8:28-30; 12:5.

B. Roma 1:3-4 ialah penggenapan bagi nubuat yang berupa tipologi dalam 2 Samuel 7:12-14a, yang menyingkapkan misteri Tuhan menjadi manusia untuk menjadikan manusia Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan:
1. Melalui inkarnasi, Kristus, Anak tunggal Tuhan dalam kedivinan-Nya (Yoh. 1:18), memakai tubuh daging, yakni sifat insani, yang tidak ada kena-mengena dengan kedivinan; dalam keinsanan-Nya, Dia bukan Anak Tuhan:
   a. Yesus dalam keinsanan-Nya ialah benih Daud, benih insani kepunyaan ciptaan lama (manusia lama—Roma 6:6) Tuhan—Kol. 1:15b.
   b. Semasa Kristus mati di atas salib sebagai benih Daud dalam keinsanan-Nya, Dia menyalibkan manusia lama berserta ciptaan lama, menghapuskan iblis, mengutuk dosa dalam tubuh daging, dan menghakimi dunia—Roma 6:6; Ibr. 2:14; Roma 8:3; 2 Kor. 5:21; Yoh. 3:14; 12:31.
2. Dalam kebangkitan, keinsanan-Nya dijadikan Tuhan, "dianakkan"; ini bermaksud Dia sebagai Anak Tuhan bukan sahaja dalam kedivinan-Nya malah juga dalam keinsanan-Nya—Roma 1:3-4:
   a. Dalam kebangkitan, Dia dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, dijadikan Anak sulung Tuhan, memiliki kedivinan dan keinsanan—8:29.
   b. Penyaliban ialah cara terbaik bagi Dia dilantik tentu, dimuliakan, dibangkitkan:
      1) Sekiranya sebiji benih mati dengan ditanam di dalam tanah, benih itu akhirnya akan bertunas, bertumbuh, dan bermekar, kerana operasi hayat benih itu diaktifkan secara serentak dengan kematiannya—Yoh. 12:23-24.
      2) Kedivinan, yakni Roh kekudusan, dalam Kristus beroperasi dalam kematian-Nya, dan dalam kebangkitan, Dia "bermekar" sebagai Anak Tuhan.
      3) Menurut tubuh daging-Nya, Dia telah disalibkan, tetapi menurut Roh-Nya, Dia telah diperkuat, dijadikan amat aktif, untuk meletakkan

kedivinan ke dalam keinsanan Kristus bagi menjadikannya divin; inilah makna melantik tentu, dan ini juga bererti dianakkan—1 Ptr. 3:18.

c. Keinsanan Kristus dilantik tentu, ditanda asing, dan ditinggikan oleh Roh kekudusan, iaitu kedivinan Kristus; dengan cara ini keinsanan Kristus ditinggikan ke dalam kedivinan, iaitu Kristus diperanakkan semula dalam keinsanan-Nya untuk menjadi Anak sulung Tuhan—Kis. 13:33:

1) Kristus ialah Yang pertama dilahirkan dalam kebangkitan—Roma 8:29:

a) Keinsanan-Nya dilahirkan dalam rahim ibu-Nya; itu bersifat insani dan tidak dapat dianggap sebagai Anak Tuhan tetapi Anak Manusia.

b) Kebangkitan Kristus telah meninggikan keinsanan-Nya dan meletakkan kedivinan-Nya ke dalam keinsanan ini; oleh itu, melalui kebangkitan ini keinsanan-Nya dilahirkan semula untuk menjadi sebahagian daripada Anak Tuhan.

2) Prototaip itu ialah Anak sulung Tuhan, dan reproduksi itu ialah anak Tuhan yang banyak, iaitu anggota-anggota kepada prototaip yang menjadi Tubuh-Nya, yang berkonsumasi dalam Yerusalem Baru—1 Ptr. 1:3.

IV. *Benih Daud menjadi Anak Tuhan* berbicara tentang proses kita dilantik tentu sebagai anak Tuhan yang banyak melalui kebangkitan—Ibr. 2:10-11:

A. Kristus telah dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, tetapi kita masih dalam proses dilantik tentu, iaitu proses dianakkan, dijadikan Tuhan—Roma 8:28-29.

B. Hayat Anak Tuhan telah ditanam ke dalam roh kita—ay. 10:

1. Sekarang kita, seperti benih yang disemai ke dalam tanah, harus melalui proses kematian dan kebangkitan—Yoh. 12:24-25.
2. Ini menyebabkan manusia luaran dihancurkan, tetapi membolehkan hayat dalaman bertumbuh, berkembang, dan akhirnya bermekar; inilah kebangkitan—1 Kor. 15:31, 36; 2 Kor. 4:10-12, 16.
3. Semakin kita bertumbuh dalam hayat untuk transformasi kita dalam hayat, semakin kita dilantik tentu sebagai anak Tuhan:
   a. Untuk bertumbuh, kita memerlukan hati yang berpaling kepada Tuan dan hati yang murni terhadap-Nya—3:16, 18; Mat. 5:8; 2 Tim. 2:22.
   b. Untuk bertumbuh, kita perlu minum susu kepunyaan sabda murni dan makan makanan pejal dalam sabda—1 Ptr. 2:2; Ibr. 5:12-14.
   c. Untuk bertumbuh, kita memerlukan penyiraman daripada anggota yang mempunyai berian khusus—1 Kor. 3:6b; Yoh. 7:37-39; Ams. 11:25.
   d. Menerusi segala sesuatu dalam sekitaran kita dan melalui kegagalan kita, diri kita yang buruk itu dirobohkan, dan Tuan mempunyai peluang yang lebih besar untuk bekerja dalam kita—Roma 8:28-29.
   e. Suatu hari proses ini akan selesai, dan untuk selama-lamanya kita akan menjadi sama seperti Kristus, Anak sulung Tuhan, dalam roh, sukma, dan tubuh kita—1 Yoh. 3:2; Roma 8:19, 23; *Kidung,* #764, rangkap 2.

C. Dalam kebangkitan, Kristus dalam keinsanan-Nya dilantik tentu sebagai Anak Tuhan, dan melalui kebangkitan sedemikian, kita juga berada dalam proses dilantik tentu sebagai para anak Tuhan—Roma 8:11:

1. Proses kita dilantik tentu, dianakkan, dan dijadikan Tuhan ialah proses kebangkitan yang mempunyai empat aspek utama—pengudusan, transformasi, konformasi, dan pemuliaan—6:22; 12:2; 8:29-30.

2. Kunci bagi proses pelantiktentuan ialah kebangkitan, iaitu Kristus yang huni secara dalaman sebagai Roh yang bangkit, Roh yang melantik tentu, kudrat hayat dalam roh kita—Yoh. 11:25; Roma 8:10-11; Kis. 2:24; 1 Kor. 15:36; 5:4:
   a. Kita amat perlu sekali belajar bagaimana bergerak-hidup menurut roh, menikmati dan mengalami Roh yang melantik tentu—Roma 8:4, 14.
   b. Semakin kita menyentuh Roh itu, semakin kita dikuduskan, ditransform, dan dimuliakan untuk menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan demi pembinaan Tubuh Kristus bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru—1 Kor. 12:3; Roma 10:12; 8:15-16; Gal. 4:6.

V. Tujuan Tuhan adalah untuk menghasilkan dikbang yang banyak kepada Anak sulung-Nya demi ekspresi-Nya:

A. Roma 8:29 memberitahu kita bahawa Tuhan mempratakdirkan kita agar dikonform kepada imej Anak-Nya, supaya Dia dapat menjadi "Yang Sulung dalam kalangan dikbang yang banyak".

B. Yang Sulung itu mempunyai dikbang yang banyak sememangnya suatu hakikat yang menakjubkan—Mat. 28:10; Yoh. 20:17.

C. Kristus ialah Yang Sulung yang mempunyai kedivinan dan keinsanan, kita pula ialah dikbang-Nya yang banyak yang mempunyai keinsanan dan kedivinan; Yang Sulung dan juga anak yang banyak dilahirkan daripada Tuhan Bapa yang sama dalam kebangkitan.

D. Ibrani 2:11 berkata, "Dia yang menguduskan dan mereka yang dikuduskan itu semuanya berasal daripada Satu; atas sebab ini, Dia tidak malu memanggil mereka dikbang."

E. Yang Sulung ialah prototaip, dan kita ialah penghasilan besar-besaran; Kristus ialah model, acuan, serta teladan, dan Tuhan telah meletakkan kita ke dalam-Nya supaya kita dapat dibentuk menjadi imej-Nya.

F. Sebagai dikbang-Nya yang banyak, kita kini berada dalam proses kematangan, dikonform kepada imej-Nya.

G. Ibrani 2:12, iaitu petikan daripada Mazmur 22:22, berkata, "Aku akan mengisytiharkan nama-Mu kepada dikbang-dikbang-Ku; di tengah-tengah gereja, Aku akan menyanyikan kidung pujian kepada-Mu."

H. Menurut Ibrani 2:12, gereja ialah komposisi korporat dikbang yang banyak kepada Anak sulung Tuhan yang mempunyai dua sifat dan dua hayat yang digabungkan serta dibaurkan.

© 2026 Living Stream Ministry